



PERATURAN AM SUKAN MALAYSIA



1. NAMA

- 1.1 Kejohanan ini dinamakan '**SUKAN MALAYSIA XX, MSN 2022**'.

2. PENGELOLAAN

- 2.1 SUKAN MALAYSIA ini dikelola oleh Majlis Sukan Negara Malaysia dengan kerjasama Kementerian Belia Dan Sukan, Majlis Olimpik Malaysia, Kerajaan Negeri, Majlis-Majlis Sukan Negeri dan Persatuan Sukan Kebangsaan.
- 2.2 Bagi Maksud pengelolaan, Menteri Belia dan Sukan Malaysia telah menubuhkan Jawatankuasa Tertinggi sebagai sebuah badan yang bertanggungjawab berkenaan dengan perkara-perkara dasar serta Peraturan Sukan Malaysia bagi membolehkan Sukan Malaysia dapat berjalan dengan lancar menurut masa, giliran serta peraturan yang ditetapkan. Jawatankuasa Khas Teknikal bertanggungjawab menyelaras penyertaan kontinjen-kontinjen, persediaan dan pengurusan teknikal sukan-sukan. Jawatankuasa Pengelola bertanggungjawab merancang dan mengelolakan semua program dan aktiviti SUKAN MALAYSIA dan seterusnya Jawatankuasa-jawatankuasa Kecil dengan tugas-tugas khas pula bertanggungjawab kepada Jawatankuasa Pengelola. Majlis Sukan Negara Malaysia adalah Urusetia Tetap SUKAN MALAYSIA di peringkat pusat dan bertanggungjawab membantu Jawatankuasa Pengelola di Peringkat Negeri.

3. JENIS SUKAN

3.1 Senarai sukan dan acara perlu ditetapkan dan dimaklumkan satu (1) tahun sebelum tarikh perasmian Sukan Malaysia.

BIL	JENIS SUKAN	KELAYAKAN UMUR	TARIKH KELAHIRAN	TARAF
1	Akuatik Terjun (L/W)	12 - 23 tahun	1 Januari 1999 hingga 31 Disember 2010	Wajib
	Akuatik Renang (L/W)	12 - 23 tahun	1 Januari 1999 hingga 31 Disember 2010	Wajib
2	Badminton (L/W)	12 - 23 tahun	1 Januari 1999 hingga 31 Disember 2010	Wajib
3	Berbasikal (L/W) <ul style="list-style-type: none">• Lebuhraya• Bukit• Trek	16 - 23 tahun	1 Januari 1999 hingga 31 Disember 2006	Wajib
	Berbasikal BMX(L/W)	14 - 23 tahun	1 Januari 1999 hingga 31 Disember 2008	Wajib
4	Bola Sepak (L)	12 - 21 tahun	1 Januari 2001 hingga 31 Disember 2010	Wajib
5	Gimrama (W)	12 -15 tahun	1 Januari 2007 hingga 31 Disember 2010	Wajib
	Gimnastik Artistik (L/W)	13 - 23 tahun	1 Januari 1999 Hingga 31 Disember 2009	Wajib
6	Hoki (L/W)	16 - 23 tahun	1 Januari 1999 hingga 31 Disember 2006	Wajib
7	Karate Kumite (L/W)	18 - 23 tahun	1 Januari 1999 hingga 31 Disember 2004	Wajib
	Karate Kata (L/W)	16 - 23 tahun	1 Januari 1999 hingga 31 Disember 2006	Wajib
8	Lawn Bowls (L/W)	12 - 23 tahun	1 Januari 1999 hingga 31 Disember 2010	Wajib
9	Memanah (L/W)	12 - 23 tahun	1 Januari 1999 hingga 31 Disember 2010	Wajib
10	Menembak (L/W)	13 - 23 tahun	1 Januari 1999 hingga 31 Disember 2009	Wajib
11	Olahraga (L/W)	13 - 23 tahun	1 Januari 1999 hingga 31 Disember 2009	Wajib
12	Pencak Silat (L/W)	17 - 23 tahun	1 Januari 1999 hingga 31 Disember 2005	Wajib

13	Pelayaran			
	<ul style="list-style-type: none"> • Optimist (L/W) 	12 – 15 tahun	1 Januari 2007 hingga 31 Disember 2010	Wajib
	<ul style="list-style-type: none"> • ILCA 6 (L/W) • International 420's (L/W) • ILCA 7 (L) • RS One (L/W) 	12 – 23 tahun	1 Januari 1999 hingga 31 Disember 2010	Wajib
	<ul style="list-style-type: none"> • ILCA 4 (L/W) • Techno 293 (L/W) 	12 – 17 tahun	1 Januari 2005 hingga 31 Disember 2010	Wajib
14	Skuasy (L/W)	13 – 23 tahun	1 Januari 1999 hingga 31 Disember 2009	Wajib
15	Tenpin Boling (L/W)	13 – 23 tahun	1 Januari 1999 hingga 31 Disember 2009	Wajib
16	Wushu – Taolu (L/W)	13 – 23 tahun	1 Januari 1999 hingga 31 Disember 2009	Wajib
	Wushu – Sanda (L)	17 - 23 tahun	1 Januari 1999 hingga 31 Disember 2005	Pilihan
17	Angkat Berat (L/W)	13 – 23 tahun	1 Januari 1999 hingga 31 Disember 2009	Pilihan
18	Bola Jaring (W)	13 – 23 tahun	1 Januari 1999 hingga 31 Disember 2009	Pilihan
19	Bola Keranjang (L/W)	13 – 23 tahun	1 Januari 1999 hingga 31 Disember 2009	Pilihan
20	Bola Tampar (L/W) Dewan & Pantai	13 – 23 tahun	1 Januari 1999 hingga 31 Disember 2009	Pilihan
21	E-Sport (L/W)	13 - 23 tahun	1 Januari 1999 hingga 31 Disember 2009	Pilihan
22	Golf (L/W)	13 – 23 tahun	1 Januari 1999 hingga 31 Disember 2009	Pilihan
23	Judo KATA	13 – 23 tahun	1 Januari 1999 hingga 31 Disember 2009	Pilihan
	Judo Shi-ai	15 - 23 tahun	1 Januari 1999 hingga 31 Disember 2007	Pilihan
24	Kanu (L/W)	16 – 23 tahun	1 Januari 1999 hingga 31 Disember 2006	Pilihan
25	Kriket (L)	13 – 23 tahun	1 Januari 1999 hingga 31 Disember 2009	Pilihan

26	Muay Thai (L/W)	16 - 23 tahun	1 Januari 1999 hingga 31 Disember 2006	Pilihan
27	Petanque (L/W)	13 - 23 tahun	1 Januari 1999 hingga 31 Disember 2009	Pilihan
28	Ragbi (L)	17 - 23 tahun	1 Januari 1999 hingga 31 Disember 2005	Pilihan
	Ragbi (W)	15 - 23 tahun	1 Januari 1999 hingga 31 Disember 2007	Pilihan
29	Sepaktakraw (L/W)	13 - 23 tahun	1 Januari 1999 hingga 31 Disember 2009	Pilihan
30	Tenis (L/W)	13 - 23 tahun	1 Januari 1999 hingga 31 Disember 2009	Pilihan
31	Tinju (L)	17 - 23 tahun	1 Januari 1999 hingga 31 Disember 2005	Pilihan

Atlet-atlet yang telah didaftarkan dalam senarai pendaftaran awal (long list) sebelum **9 Januari 2020**, kemaskini **30 Oktober 2020** dibenarkan mengambil bahagian di Sukan Malaysia XX, MSN 2022 walaupun melebihi had umur seperti yang telah ditetapkan. Pendaftaran baru, pertukaran atlet serta penambahan acara untuk disertai boleh dibuat dengan tanpa sebarang syarat atau sebab semasa tempoh pendaftaran awal (long list) dibuka dan terhad kepada atlet dibawah **21 tahun** iaitu lahir selepas 1 Januari 2001 atau mengikut had umur yang lebih rendah. Perincian seperti pada **Lampiran 1**.

4. PENYERTAAN

- 4.1 Hanya Warganegara Malaysia yang layak bertanding bagi mewakili kontinjen Negeri atau Wilayah Persekutuan di Sukan Malaysia kecuali bagi Negara Brunei Darussalam sebagai peserta / pasukan jemputan.
- 4.2 SUKAN MALAYSIA terhad kepada pasukan-pasukan negeri dan kontinjen yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Tertinggi Sukan Malaysia sebagai kontinjen jemputan.

- 4.3 Berumur di antara 12 hingga 23 tahun pada tahun semasa dan tertakluk kepada peraturan pertandingan sukan seperti di Perkara 3.1 dan Lampiran 1
- 4.4 Tiap-tiap jenis sukan atau disiplin yang ditetapkan hanya akan dipertandingkan apabila disertai oleh sekurang-kurangnya enam (6) kontinjen.
- 4.5 Setiap acara dalam satu jenis sukan tidak akan dipertandingkan jika disertai oleh kurang dari enam (6) kontinjen.
- 4.6 Atlet Kebangsaan yang telah **layak secara merit** ke Sukan Olimpik adalah tidak dibenarkan untuk mengambil bahagian dalam Sukan Malaysia. Atlet Kebangsaan yang **pernah bertanding** di Sukan Olimpik (Status Olympian) adalah tidak dibenarkan untuk mengambil bahagian dalam Sukan Malaysia. Walau bagaimanapun, atlet-atlet yang pernah mewakili Negara ke Temasya Sukan Komanwel, Sukan Asia dan pemenang-pemenang pingat bagi Sukan SEA dibenarkan mengambil bahagian dalam Sukan Malaysia tetapi akan dikenakan syarat-syarat tertentu iaitu seperti berikut:-
- i. Bagi acara berpasukan, sesebuah pasukan tidak boleh mendaftarkan lebih daripada tiga (3) orang pemain kebangsaan. Bagi acara berpasukan yang dimainkan dengan permulaan 6 pemain dan lebih, maka ketiga-tiga pemain tersebut dibenarkan bermain. Manakala acara berpasukan yang dimainkan dengan permulaan 5 pemain dan kurang, maka hanya satu (1) pemain kebangsaan dibenarkan bermain dalam satu masa.
 - ii. Bagi acara individu, seseorang atlet tidak dibenarkan untuk menyertai lebih daripada dua (2) acara perseorangan dan dua (2) acara berpasukan / relay seperti bagi sukan olahraga, renang dan gimrama.

iii. Bagi sukan yang mempunyai acara perseorangan, beregu, beregu campuran dan berpasukan, seseorang pemain hanya dibenarkan mengambil dua (2) acara sahaja iaitu seperti sukan badminton, tenis dan ping pong. Seseorang pemain masih dianggap mengambil bahagian dalam satu (1) acara jika menyertai acara berpasukan walaupun bermain dalam perseorangan dan beregu.

Atlet baru yang pertama kali bertanding di Sukan SEA ke-31, Hanoi, Vietnam 2021 dan Sukan Komanwel Birmingham 2022 tidak tertakluk kepada peraturan ini

4.7 Tiap-tiap negeri atau kontinjen dikehendaki mengemukakan borang penyertaan mengikut jenis sukan kepada pihak pengelola tidak lewat daripada **28 Mac 2022**. Borang penyertaan hendaklah disertakan dengan wang cengkeram sebanyak RM 300.00 **bagi tiap-tiap jenis sukan**. Penyertaan yang tidak disertakan dengan wang cengkeram adalah tidak sah dan tidak akan didaftarkan sebagai atlet.

4.8 **Borang Pendaftaran senarai panjang atlet / akreditasi** yang lengkap dengan gambar, bertandatangan beserta salinan kad pengenalan hendaklah dikemukakan oleh negeri atau kontinjen kepada pihak Urusetia Tetap sekurang-kurangnya **6 bulan (180 hari) sebelum perasmian** atau tidak lewat daripada **30 April 2022** bagi pendaftaran baru, pertukaran atlet serta penambahan acara dan menerima pakai **senarai pendaftaran awal (long list) pada 9 Januari 2020, kemaskini 30 Oktober 2020**.

4.9 Jawatankuasa Pengelola akan memaklumkan kepada semua kontinjen negeri jumlah bilangan penyertaan, jenis sukan dan acara yang dipertandingkan secara terperinci setelah menyemak senarai pendaftaran selewat-lewatnya **20 Mei 2022**.

4.10 Borang-borang penyertaan yang lengkap dengan nama atlet dan acara (short list) hendaklah dikemukakan oleh Kontinjen kepada Sekretariat SUKMA MSN 2022 tidak lewat daripada **10 Ogos 2022**.

4.11 Mesyuarat Pertindihan Atlet akan diadakan pada **16 hingga 17 Mei 2022**. Segala bantahan mengenai kelayakan atau kesahihan status atlet tidak boleh dibuat oleh mana-mana pihak setelah diterima dan disahkan oleh Jawatankuasa Khas Teknikal ataupun selepas diputuskan di dalam Mesyuarat Pertindihan Atlet. Pendaftaran atlet semasa tarikh akhir pendaftaran seperti yang ditetapkan di dalam Peraturan Am Perkara 4.8 akan menjadi penentu kepada negeri yang akan diwakili seseorang atlet sekiranya tidak didaftarkan oleh mana-mana kontinjen lain.

4.12 Pertukaran atlet dari senarai pendek (short list) hendaklah dibuat sebelum Mesyuarat DRM di antara kontinjen dengan sekretariat dengan kelulusan Pengerusi Jawatankuasa Khas Teknikal bagi atlet yang :

1. Mengalami kecederaan dengan disertakan bukti-bukti perubatan daripada hospital kerajaan.
2. Mendapat tawaran melanjutkan pelajaran ke IPTA/IPTS
3. Tidak mendapat pelepasan peperiksaan IPTA/IPTS/Luar Negara
4. Tidak melepasi tempoh kawalan pergerakan dari luar negara
5. Terpilih mewakili Malaysia dalam kejohanan diperingkat Antarabangsa

Sebarang penggantian atlet mestilah daripada atlet yang telah disenaraikan dalam senarai panjang (longlist).

5. BILANGAN PEGAWAI/ATLET RASMI

5.1 Bilangan pegawai dan atlet rasmi mengikut jenis-jenis sukan ialah seperti berikut:-

BIL	SUKAN	PENGURUS PASUKAN	PEGAWAI	ATLET	JUMLAH
1	Akuatik: Renang (L)	1	1 Pegawai	10	12
	Renang (W)	-	1 Pegawai	10	11
	Terjun (L)	1	1 Pegawai	8	10
2	Badminton (L)	1	1 Pegawai	8	10
	Badminton (W)	-	1 Pegawai	8	9
3	Berbasikal (L)	1	2 Pegawai & (1 Mekanik)	16	20
	Berbasikal (W)	1	1 Pegawai	14	16
4	Bola Sepak (L)	1	6 Pegawai	23	30
5	Gimrama (W)	1	3 Pegawai	10	17
	Gimnastik Artistik (L)	1	2 Pegawai	6	
	Gimnastik Artistik (W)		2 Pegawai	6	
6	Hoki (L)	1	2 Pegawai	18	21
	Hoki (W)	1	2 Pegawai	18	21
7	Kata (L)	1	1 Pegawai	4	13
	Kumite (L)			7	
	Kata (W)	-	1 Pegawai	4	10
	Kumite (W)			5	
8	Lawn Bowls (L)	1	1 Pegawai	6	8
	Lawn Bowls (W)	1	1 Pegawai	6	8
9.	Memanah (L)	1	2 Pegawai	8	11
	Memanah (W)	-	1 Pegawai	8	9

10	Menembak (L)	1	2 Pegawai	21	24
	Menembak (W)	-	2 Pegawai	15	17
11	Olahraga (L)	1	3 Pegawai	40	44
	Olahraga (W)	-	3 Pegawai	40	43
12	Pencak Silat (L)	1	2 Pegawai	18	21
	Pencak Silat (W)	-	1 Pegawai	14	15
13	Pelayaran :				
	Optimist (L/W)	1	1 Pegawai	5	7
	ILCA 6 (L/W)	-	1 Pegawai	2	3
	International 420's (L/W)	-	1 Pegawai	4	5
	ILCA 7 (L)	-	-	1	1
	ILCA 4 (L/W)	-	-	2	2
	Techno 293 (L/W)	-	1 Pegawai	2	3
	RS One (L/W)	-	-	2	2
14	Skuasy (L)	1	1 Pegawai	6	8
	Skuasy (W)	-	1 Pegawai	6	7
15	Tenpin Boling (L)	1	1 Pegawai	5	7
	Tenpin Boling (W)	-	1 Pegawai	5	6
16	Wushu – Taolu (L)	1	1 Pegawai	6	8
	Wushu – Taolu (W)	-	1 Pegawai	6	7
	Wushu – Sanda (L)	1	1 Pegawai	5	7
17	Angkat Berat (L)	1	2 Pegawai	8	20
	Angkat Berat (W)	-	1 Pegawai	8	

18	Bola Jaring (W)	1	2 Pegawai	12	15
19	Bola Keranjang 5 on 5 (L)	1	2 Pegawai	12	15
	Bola Keranjang 5 on 5 (W)	1	2 Pegawai	12	15
	Bola Keranjang 3 x 3 (L)	-	-	- (4)	0
	Bola Keranjang 3 x 3 (W)	-	-	- (4)	0
20	Bola Tampar (L)	1	2 Pegawai	12	15
	Bola Tampar (W)	1	2 Pegawai	12	15
	Bola Tampar Pantai (L)		1 Pegawai	4	5
	Bola Tampar Pantai (W)		1 Pegawai	4	5
21	E-Sport (L/W)	1	3 Pegawai	16	20
22	Golf (L)	1	1 Pegawai	4	6
	Golf (W)	-	1 Pegawai	3	4
23	Judo (L) Shi-ai	1	1 Pegawai	7	9
	Judo (P) Shi-ai	-	-	5	5
	Judo (L) Kata	-	1 Pegawai	4	5
	Judo (W) Kata	-		2	2
24	Kanu (L)	1	2 Pegawai	20	23
	Kanu (W)	1	2 Pegawai	20	23
25	Kriket (L)	1	2 Pegawai	14	17
26	Muay Thai (L)	1	2 Pegawai	11	14
	Muay Thai (W)		2 Pegawai	7	9
27	Petanque (L)	1	1 Pegawai	7	9
	Petanque (W)	-	1 Pegawai	7	8

28	Ragbi (L)	1	3 Pegawai	12	16
	Ragbi (W)	1	3 Pegawai	12	16
29	Sepak Takraw (L)	1	3 Pegawai	12	16
	Sepak Takraw (W)	1	2 Pegawai	8	11
30	Tenis (L)	1	1 Pegawai	6	8
	Tenis (W)	-	1 Pegawai	6	7
31	Tinju (L)	1	3 Pegawai	12	16
32	Urusetia Kontinjen	15	-	-	15
33	Ketua Kontinjen	1	-	-	1
JUMLAH KESELURUHAN		58	116	698	872

5.2 Bagi jenis sukan yang mempunyai acara lelaki dan wanita dan di mana kontinjen tidak menamakan jurulatih atau pengurus pasukan wanita, kontinjen berkenaan bolehlah mendaftarkan seorang Chaperon. Walau bagaimanapun segala perbelanjaan makan dan penginapan Chaperon berkenaan hendaklah ditanggung oleh negeri / kontinjen masing-masing.

5.3 Sekiranya pertandingan untuk satu jenis sukan diadakan di dua (2) atau lebih tempat yang berasingan, pasukan dibenarkan untuk membawa seorang jurulatih tambahan dan kedudukannya adalah setaraf dengan jurulatih rasmi kontinjen yang lain.

PENDAFTARAN

6.1 Tiap-tiap kontinjen bagi setiap jenis sukan hendaklah mendaftarkan nama-nama pegawai dan atlet masing-masing dengan Jawatankuasa Pengelola melalui Majlis Sukan Negeri tidak lewat daripada tarikh yang ditetapkan dalam Perkara 4.8 di atas.

- 6.2 Setiap peserta yang didaftarkan untuk menyertai SUKAN MALAYSIA ini dikenakan bayaran **RM 100.00** seorang dan pembayaran hendaklah dibuat semasa Mesyuarat Pendaftaran Delegasi (DRM).
- 6.3 Mesyuarat Pendaftaran Delegasi (DRM) akan diadakan pada **8 hingga 9 September 2022**. Selepas DRM sebarang pertukaran atlet tidak boleh dibuat kecuali dengan kelulusan Pengerusi Jawatankuasa Khas Teknikal bagi atlet yang mengalami kecederaan dengan disertakan bukti-bukti pengesahan perubatan daripada hospital kerajaan. Sebarang penggantian atlet mestilah daripada atlet yang telah disenaraikan dalam senarai panjang (longlist). Semua pertukaran yang diluluskan akan dikenakan yuran sebanyak RM100.00 setiap atlet dan dibayar kepada Majlis Sukan Negara Malaysia.
- Walau bagaimanapun tiada sebarang pertukaran atlet boleh dibuat **semasa dan selepas Mesyuarat/Taklimat Pengurus Pasukan.**
- 6.4 Semua urusan pelepasan atlet Angkatan Tentera Malaysia dan Polis Diraja Malaysia untuk mewakili kontinjen negeri perlu diselesaikan oleh pihak Majlis Sukan Negeri dan dimuktamadkan tiga (3) bulan sebelum dari tarikh temasya. Semua pelepasan perlulah mendapat kelulusan bertulis dari pihak MSAT atau MSPDRM.

7. KAWALAN PERUBATAN

- 7.1 Semua peserta dalam sesuatu jenis sukan sekiranya diwajibkan oleh Persatuan Sukan Kebangsaan adalah dikehendaki menjalani ujian perubatan. Para peserta hendaklah mengemukakan Sijil atau Surat Pengakuan Doktor kepada Jawatankuasa Pertandingan. Pemeriksaan hendaklah dibuat di negeri masing-masing sebelum datang ke pertandingan.

- 7.2 Ujian doping dan ujian breathalyser untuk alkohol akan dijalankan secara rambang ke atas atlet semasa SUKAN MALAYSIA dikelolakan.
- 7.3 Jika seseorang atlet itu mewakili pasukan mengambil bahagian dalam acara individu dan didapati positif ujian doping, penyertaan bagi individu tersebut dengan sendirinya akan terbatal. Sekiranya individu yang dibatalkan turut memenangi pingat, kemenangan tersebut akan juga turut terbatal dan pingat yang dimenangi akan ditarik balik serta dianugerahkan kepada peserta terbaik berikutnya.
- 7.4 Bagi sukan berpasukan sekiranya terdapat atlet yang didapati positif ujian doping keputusan penyertaan pasukan tersebut akan diputuskan oleh Jawatankuasa Khas Teknikal.
- 7.5 Segala minuman/makanan/bahan beralkohol adalah dilarang dibawa masuk atau diminum/dimakan dalam kawasan sekretariat/venue pertandingan/ perkampungan sukan untuk atlet dan pegawai yang disediakan oleh pengelola atau penganjur SUKAN MALAYSIA.
- 7.6 Pegawai dan atlet yang melanggar peraturan ini akan tertakluk kepada tindakan disiplin oleh Lembaga Disiplin di bawah perkara 17.2.

8. KAWALAN KEWANITAAN

- 8.1 Semua peserta wanita jika diwajibkan oleh Persatuan Sukan Kebangsaan maka hendaklah disahkan kewanitaan mereka oleh Doktor Perubatan masing-masing di Borang Penyertaan mereka. Jawatankuasa Pengelola atau Jawatankuasa Khas Teknikal dengan kerjasama Institut Sukan Negara hendaklah melakukan secara rawak pengesahan kewanitaan oleh doktor perubatan yang diiktiraf kepada atlet wanita.

9. PERATURAN PERTANDINGAN

- 9.1 Semua jenis sukan / acara akan dipertandingkan mengikut Peraturan Badan Sukan Antarabangsa yang berkenaan kecuali diperuntukkan berlainan dalam peraturan Sukan Malaysia. Jika terdapat percanggahan dari segi pentafsiran, maka pengertian sahah akan dirujuk kepada peraturan dalam Bahasa Inggeris dan diputuskan oleh Jawatankuasa Khas Teknikal. Keputusan Jawatankuasa Khas Teknikal Sukan Malaysia dalam ini adalah muktamad.
- 9.2 Jawatankuasa Khas Teknikal melalui perundingan dengan Persatuan Sukan Kebangsaan berkenaan akan menetapkan acara pertandingan bagi tiap-tiap jenis sukan yang akan dipertandingkan dalam Sukan Malaysia ini. Semua Persatuan Sukan Kebangsaan hendaklah memastikan kedudukan pasukan yang akan diundi dan perlulah mengikut rekod pencapaian Sukan Malaysia sebelumnya.
- 9.3 Semua pertandingan bagi tiap-tiap jenis sukan hendaklah selesai dipertandingkan mengikut tempoh SUKAN MALAYSIA seperti yang ditetapkan Perkara 10.1 atau pada tempoh yang dipersetujui oleh pihak Jawatankuasa Pengelola.
- 9.4 Penetapan bilangan kumpulan bagi tiap-tiap jenis sukan akan dibuat mengikut amalan Persatuan Sukan Kebangsaan atau Badan Sukan Antarabangsa dan tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Khas Teknikal.
- 9.5 Bagi jenis sukan yang mengandungi acara berpasukan dan perseorangan, hanya dua (2) orang pemain terbaik sahaja didaftarkan mengambil bahagian dalam pertandingan perseorangan. Walau bagaimanapun bagi jenis sukan-sukan yang tertentu yang mengambilkira kombinasi mata/skor individu

bagi menentu kedudukan pasukan, bilangan pemain boleh didaftarkan mengikut jumlah yang ditetapkan di dalam peraturan pertandingan sukan masing-masing dan adalah tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Khas Teknikal.

- 9.6 Peraturan pertandingan untuk setiap jenis sukan adalah tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Khas Teknikal.
- 9.7 Bagi peraturan Bola Sepak, penalti atau denda kepada pemain yang dikenakan kad kuning dan merah telah dimansuhkan oleh FAM dan tindakan tidak akan dikenakan kepada Persatuan Bola Sepak Negeri didalam penyertaan kejohanan akan datang yang dianjurkan oleh FAM.

10. TEMPOH PENGELOLAAN/JADUAL PERLAWANAN

- 10.1 **Sukan Malaysia XX** akan diadakan pada **16 September hingga 24 September 2022**. Tempoh rasmi pengelolaan untuk Sukan Malaysia XX ialah **9 hari**. Walau bagaimanapun atas sebab-sebab tertentu Jawatankuasa Pengelola boleh memulakan pertandingan bagi jenis-jenis sukan tertentu beberapa hari sebelum hari perasmian Sukan Malaysia.
- 10.2 Semua jadual perlawanan bagi semua jenis sukan termasuk tarikh, masa dan tempat akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengelola dengan kelulusan Jawatankuasa Khas Teknikal.

11. PENANGGUHAN

- 11.1 Tarikh, masa, tempat perlawanan dan acara pertandingan setiap sukan yang telah ditetapkan atau dijadualkan sama sekali tidak boleh ditangguh atau diubah oleh pasukan-pasukan yang mengambil bahagian.

- 11.2 Jawatankuasa Pengelola dengan kelulusan Jawatankuasa Khas Teknikal mempunyai kuasa mutlak untuk menengguh atau mengubah jadual sesuatu perlawanan dengan diberitahu terlebih dahulu kepada pegawai pasukan yang terlibat.
- 11.3 Bagi perlawanan yang ditangguhkan menurut Perkara 11.2 di atas, Ketua Delegat Teknikal bagi sukan berkenaan hendaklah menetapkan semula perlawanan yang ditangguhkan itu dan hendaklah tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Khas Teknikal.

12. KEMUDAHAN

- 12.1 Jawatankuasa Pengelola akan bertanggungjawab untuk menyediakan semua kemudahan yang berkaitan dengan pelaksanaan Sukan Malaysia seperti penginapan, sajian, pengangkutan, tempat dan peralatan pertandingan.
- 12.2 Pakaian kontinjen/pertandingan dan peralatan pertandingan atlet adalah menjadi tanggungjawab kontinjen.
- 12.3 Jawatankuasa Pengelola hendaklah mengemukakan senarai kemudahan / tempat pertandingan dan senarai peralatan sukan yang akan digunakan untuk tujuan pertandingan kepada Persatuan Sukan Kebangsaan dan Jawatankuasa Khas Teknikal untuk pengesahan.


13. INSURAN DAN GANTIRUGI

- 13.1 Jawatankuasa Tertinggi Sukan Malaysia, Jawatankuasa Pengelola, Jawatankuasa Khas Teknikal dan pegawai-pegawai yang dilantik tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kemalangan atau kecelakaan yang berlaku kepada mana-mana peserta dan pegawai semasa Sukan Malaysia.

13.2 Setiap Majlis Sukan Negeri dan Kontinjen diwajibkan untuk mendapat dan menanggung kos serta perbelanjaan insuran bersesuaian bagi setiap atlet dan pegawai kontinjen masing-masing.

14. KETUA DELEGAT TEKNIKAL DAN PENGURUS PERTANDINGAN

14.1 Jawatankuasa Khas Teknikal akan melantik Ketua Delegat Teknikal setelah berunding dengan Persatuan Sukan Kebangsaan bagi tiap-tiap jenis sukan. Tanggungjawab Ketua Delegat Teknikal ialah seperti berikut :-

- 
- i) Mencadangkan kepada Jawatankuasa Khas Teknikal senarai Pegawai Teknikal bertauliah yang bertugas sepanjang kejohanan berlangsung.
 - ii) Melawat serta mengesahkan tempat dan peralatan latihan/pertandingan untuk Sukan Malaysia.
 - iii) Menyediakan jadual-jadual pertandingan selepas berbincang dengan Jawatankuasa Pengelola dan Persatuan Sukan Kebangsaan.
 - iv) Memastikan semua pertandingan dijalankan mengikut peraturan / jadual pertandingan yang telah ditetapkan.

14.2 Ketua Delegat Teknikal hendaklah mengemukakan laporan bersama-sama dengan laporan pengadil atau hakim mengenai semua aduan dan rayuan yang dibuat oleh atlet atau pegawai pasukan yang telah digantung daripada menyertai satu atau kesemua pertandingan bagi sukan berkenaan semasa Sukan Malaysia kepada Persatuan Sukan Kebangsaan masing-masing untuk tindakan selanjutnya.

- 14.3 Jawatankuasa Pengelola hendaklah melantik Pengurus Pertandingan selepas mendapat cadangan dari Persatuan Sukan Negeri dan disokong oleh Persatuan Sukan Kebangsaan.
- 14.4 Pengurus Pertandingan adalah bertanggungjawab membantu Ketua Delegat Teknikal untuk menentukan segala persiapan teknikal dan pertandingan disedia dan dilaksanakan mengikut Peraturan Tetap, Peraturan Am dan Peraturan Pertandingan serta panduan-panduan yang ditetapkan oleh Persatuan Sukan Kebangsaan.

15. JURI TEKNIKAL SUKAN DAN JURI RAYUAN TERTINGGI

- 15.1 Setiap Persatuan Sukan Kebangsaan yang terlibat, setelah berunding dengan Jawatankuasa Khas Teknikal hendaklah menubuh dan menamakan sebuah Juri Teknikal Sukan untuk mengambil tindakan dan membuat keputusan terhadap semua aduan, bantahan atau rayuan yang dibuat semasa Sukan Malaysia.
- 15.2 Juri Teknikal Sukan mesti dipengerusikan oleh Ketua Delegat Teknikal Sukan berkenaan dan tidak kurang dari tiga (3) orang ahli dan tidak lebih lima (5) orang ahli panel lain. Juri Teknikal Sukan berkenaan mesti berunding dan membuat keputusan mengenai semua aduan, bantahan atau rayuan dibuat dalam tempoh tidak lewat dari dua (2) jam dari masa surat bertulis berkenaan diterima oleh Ketua Delegat Teknikal.
- 15.3 Mana-mana pihak yang tidak bersetuju dengan keputusan Juri Teknikal Sukan berkenaan boleh membuat rayuan kepada Juri Rayuan Tertinggi yang ditubuhkan dalam Perkara 15.4 dibawah ini.
- 15.4 Semasa Sukan Malaysia berlangsung, sebuah Juri Rayuan Tertinggi dilantik oleh Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sukan

Malaysia terdiri daripada tidak kurang daripada lima (5) orang dan tidak lebih dari tujuh (7) orang ahli seperti berikut:-

- Pengerusi - Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara
- Ahli-Ahli - Pengerusi Jawatankuasa Khas Teknikal
 - Pengerusi Jawatankuasa Pengelola / Ketua Pegawai Operasi Sekretariat Sukan Malaysia
 - Dua (2) orang Pengarah Majlis Sukan Negeri
 - Tidak lebih daripada dua (2) orang yang difikirkan sesuai oleh Pengerusi

15.5 Juri Rayuan Tertinggi akan membuat keputusan muktamad berkenaan dengan semua aduan, bantahan atau rayuan dan perkara lain berhubung dengan pengelolaan Sukan Malaysia dalam tempoh 24 jam dari masa selepas diterima surat bertulis berkenaan. Pengarah Majlis Sukan Negeri atau Ketua Kontinjen atau wakilnya boleh mengemukakan soalan-soalan kepada juri-juri ini. Selain daripada itu, Juri Rayuan Tertinggi ini juga boleh membuat keputusan dalam semua perkara, termasuk hal-hal teknikal yang dianggap sesuai oleh juri ini.

16. RAYUAN/BANTAHAN

16.1 Jika tidak dinyatakan di dalam Buku Peraturan Pertandingan Sukan, sebarang aduan, bantahan atau rayuan mengenai sesuatu perkara kepada Juri Teknikal Sukan mesti dibuat oleh Pengurus Pasukan kepada Ketua Delegat Teknikal secara bertulis dalam tempoh satu (1) jam selepas pertandingan tamat dengan disertakan wang tunai sebanyak RM200.00 sebagai wang bantahan.

16.2 Rayuan kepada Juri Rayuan Tertinggi mesti dibuat dalam tempoh tidak lebih daripada empat (4) jam selepas keputusan Juri Teknikal Sukan diterima. Rayuan mesti dibuat oleh Pengarah Majlis Sukan Negeri atau Ketua Kontinjen secara

bertulis dan ditandatangani beserta cop Majlis Sukan Negeri kepada Urusetia Tetap Sukan Malaysia dengan disertakan wang bantahan sebanyak RM500.00.

16.3 Sekiranya aduan bantahan atau rayuan itu munasabah dan diterima oleh Juri Teknikal Sukan atau Juri Rayuan Tertinggi, maka wang bantahan itu akan dikembalikan.

16.4 Wang bantahan itu akan menjadi hak **Jawatankuasa Pengelola** sekiranya aduan, bantahan atau rayuan itu didapati tidak munasabah atau ditolak.

16.5 Juri Teknikal Sukan dan Juri Rayuan Tertinggi berhak untuk memanggil mana-mana individu yang difikirkan sesuai dan dapat membantu untuk memberi maklumat atau keterangan berkaitan.

17. DISIPLIN

17.1 Persatuan Sukan Kebangsaan yang terlibat mesti menubuhkan sebuah Jawatankuasa Disiplin bagi mengendalikan kes-kes disiplin di kalangan pegawai dan atlet semasa Sukan Malaysia berlangsung.

17.2 Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sukan Malaysia akan melantik sebuah Lembaga Disiplin bagi mengendalikan segala kes disiplin dan salahlaku yang membabitkan pegawai serta atlet yang tidak dapat diselesaikan di peringkat Persatuan Sukan Kebangsaan masing-masing. Lembaga ini juga bertanggungjawab terhadap disiplin semua pegawai kontinjen (termasuk pegawai tambahan) yang berdaftar dengan Jawatankuasa Pengelola Sukan Malaysia dan terhadap sesiapa semasa Sukan Malaysia berlangsung. Keahlian Lembaga Disiplin adalah seperti berikut:-

- Pengerusi - Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara
- Ahli-ahli - Pengerusi Jawatankuasa Khas Teknikal
 - Empat (4) orang Ketua Kontinjen atau wakilnya
 - Seorang wakil daripada persatuan yang terlibat

Korum bagi prosiding Lembaga Disiplin adalah sekurang-kurangnya lima (5) orang ahli.

17.3 Pihak Lembaga Disiplin berhak untuk memanggil mana-mana individu yang difikirkan sesuai dan dapat membantu memberikan maklumat atau keterangan yang berkaitan.

18. HADIAH-HADIAH

18.1 Hadiah-hadiah untuk SUKAN MALAYSIA akan disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola seperti berikut:-

18.2 Pingat-pingat emas, perak dan gangsa untuk pemenang-pemenang pertama, kedua dan ketiga. Butir-butir lengkap adalah seperti di dalam **Para 15.3 Peraturan Tetap** Sukan Malaysia.

18.3 Jika tidak dinyatakan di dalam Buku Peraturan Pertandingan Sukan, pemenang bersama bagi sesuatu pingat boleh diberikan jika berlaku persamaan waktu atau catatan mata.

19. KEWANGAN

19.1 Jawatankuasa Pengelola bertanggungjawab dari segi aspek perbelanjaan Sukan Malaysia XX, MSN 2022 dan mengemukakan sesalinan laporan penganjuran dan kewangan kepada Urusetia Tetap Sukan Malaysia.

20. TAMBANG

- 20.1 Setiap Majlis Sukan Negeri yang terlibat bertanggungjawab menanggung semua kos tambang pegawai / atlet masing-masing. Bagaimanapun, Majlis Sukan Negara Malaysia akan memberikan subsidi tambang penerbangan pegawai/atlet rasmi dari negeri Sabah dan Sarawak sebanyak 50% daripada kos mengikut kadar yang ditetapkan oleh Majlis Sukan Negara Malaysia.
- 20.2 Sekiranya Negeri Sabah atau Sarawak menjadi tuan rumah Sukan Malaysia, subsidi tambang 50% daripada kos mengikut kadar yang ditetapkan oleh Majlis Sukan Negara Malaysia akan diberikan kepada pegawai dan atlet rasmi kontinjen negeri yang menyertai.

21. PERKARA AM

- 21.1 Jawatankuasa Khas Teknikal berkuasa mengambil sesuatu keputusan kepada sebarang perkara yang berbangkit yang tidak tercatat dalam Peraturan Am.
- 21.2 Segala keputusan yang diambil oleh Jawatankuasa Pengelola dan Jawatankuasa Tetap adalah muktamad.
- 21.3 Sebarang keputusan yang dibuat semasa Taklimat Pengurus Pasukan bagi setiap jenis sukan adalah muktamad dan tidak boleh dibantah asalkan ia tidak bercanggah dengan Peraturan Tetap, Peraturan Am dan Peraturan Pertandingan serta keputusan Jawatankuasa Tertinggi SUKAN MALAYSIA.
- 21.4 Segala bantahan mengenai kelayakan atau kesahihan status atlet tidak boleh dibuat oleh mana-mana pihak setelah diterima dan disahkan oleh Jawatankuasa Khas Teknikal ataupun selepas diputuskan di dalam Mesyuarat Pertandingan Atlet di bawah

Peraturan Am Perkara 4.12 dan keputusan tersebut adalah muktamad. Pendaftaran atlet semasa tarikh akhir pendaftaran seperti yang ditetapkan di dalam Peraturan Am Perkara 4.8 dan Perkara 4.11 akan menjadi penentu kepada negeri yang akan diwakili seseorang atlet sekiranya tidak didaftarkan oleh mana-mana kontinjen lain.

21.5 Atlet-atlet seharusnya mewakili negeri asalnya tetapi tertakluk kepada Peraturan Am Perkara 21.9. Atlet-atlet boleh mewakili negeri lain yang bukan negeri asalnya atas syarat-syarat berikut:

- i. Atlet tersebut mesti telah bermastautin sekurang-kurangnya dua (2) tahun berturut-turut sebelum layak mewakili negeri berkenaan. Dua (2) tahun di sini bermakna tempoh di antara SUKAN MALAYSIA dan bukannya berdasarkan kepada dua (2) tahun genap mengikut kalendar; atau
- ii. Atlet yang ingin mewakili negeri lain disebabkan perpindahan ibu bapa, perpindahan tempat kerja atas arahan majikan ataupun mendapat tawaran kerja (perlu mengemukakan dokumen sokongan) dikenakan syarat bermastautin sekurang - kurangnya satu (1) tahun dan mempunyai perjanjian mewakili negeri sebelum layak mewakili negeri berkenaan.
- iii. Pengarah Majlis Sukan Negeri berkenaan perlu memohon pelepasan bertulis daripada Pengarah Majlis Sukan Negeri asal atlet terbabit. Sekiranya permohonan diluluskan secara bertulis oleh Pengarah Majlis Sukan Negeri, atlet tersebut bolehlah mewakili negeri berkenaan tetapi hanya untuk sekali sahaja dan dalam Sukan Malaysia semasa sahaja.
- iv. Taraf bermastautin adalah berdasarkan kepada perwakilan atlet-atlet menyertai pertandingan-

pertandingan dan/atau program-program kemajuan atlet berkenaan yang dianjurkan oleh Majlis Sukan Negeri berkenaan, Persatuan Sukan Kebangsaan, Persatuan Sukan Negeri masing-masing ataupun Majlis Sukan Sekolah-sekolah Negeri berkenaan.

21.6 Taklimat Pengurus Pasukan Sukan berkenaan tidak boleh membangkitkan atau memutuskan mengenai kelayakan atau kesahihan status atlet atau pertukaran atlet.

21.7 Wang Cengkeram di bawah Peraturan Am Perkara 4.7 tidak akan dikembalikan sekiranya pasukan yang telah didaftarkan terlebih dahulu menarik diri dari mengambil bahagian.

21.8 Jawatankuasa Khas Teknikal mempunyai kuasa mutlak memeriksa kelayakan atlet-atlet pada bila-bila masa. Sekiranya terdapat atlet yang tidak layak menyertai sukan berkenaan, seperti yang tercatat di dalam Peraturan Am ini dan Peraturan Pertandingan sukan berkenaan tindakan berikut akan diambil:-

- i. Pembatalan dari sukan. Jika atlet itu mewakili acara berpasukan, pasukan itu akan dibatalkan dan jika atlet itu mengambil bahagian di dalam acara individu, penyertaan beliau akan dibatalkan. Jika pasukan / individu yang dibatalkan memenangi pingat, kemenangan tersebut akan dibatalkan.
- ii. Pembatalan menurut Perkara 21.8(i) di atas akan menyebabkan segala perbelanjaan pasukan / individu ditarik balik dengan serta merta dan jika perbelanjaan telah dikenakan kepada pasukan / individu itu, Majlis Sukan Negeri berkenaan dikehendaki membuat pembayaran balik jumlah tersebut kepada Jawatankuasa Pengelola dan tidak layak kepada subsidi di bawah Peraturan Am Perkara 20.

21.9 Atlet-atlet yang berkhidmat dengan PDRM tidak boleh mewakili mana-mana kontinjen / negeri kecuali mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis Sukan PDRM. Manakala bagi atlet-atlet yang berkhidmat dengan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) adalah tertakluk kepada Pekeliling Majlis Sukan Angkatan Tentera dimana anggota tetap hendaklah mewakili negeri tempat bertugas dan anggota kerahan mewakili negeri asal mereka kecuali mendapat kebenaran bertulis. Walau bagaimanapun, pelepasan mewakili negeri asal untuk anggota tetap dibenarkan sekiranya tawaran jawatan diterima selepas tarikh tutup pendaftaran senarai panjang (longlist).

21.10 Tertakluk kepada Perkara 21.5, bagi kontinjen negeri yang ingin mendaftarkan pelajar-pelajar Sekolah Sukan, kontinjen-kontinjen negeri berkenaan juga perlulah memohon dari pihak pentadbiran Sekolah Sukan berkenaan tidak lewat dari empat (4) bulan sebelum SUKAN MALAYSIA berlangsung. Sebuah Jawatankuasa yang terdiri daripada Pengetua-Pengetua Sekolah Sukan Malaysia serta wakil daripada Jawatankuasa Khas Teknikal akan membuat ketetapan mengenai penyertaan atlet-atlet ini berdasarkan kepada beberapa aspek seperti negeri asal, bantuan yang diberikan oleh negeri berkenaan dan lain-lain aspek yang berkaitan dengan kemajuan atlet berkenaan.

21.11 Semua Persatuan Sukan Kebangsaan yang sukannya dipertandingkan di Sukan Malaysia dikehendaki menandatangani surat Akujanji untuk bekerjasama mengelola serta memastikan mereka bertanggungjawab untuk menubuhkan atau memajukan persatuan di peringkat negeri yang menjadi tuan rumah.

- i. Bagi enam belas (16) jenis sukan wajib, surat Akujanji ini mengkehendaki Persatuan Sukan Kebangsaan terus

mempopularkan kegiatan sukan masing-masing di negeri-negeri seluruh Malaysia pada masa yang akan datang. Sekiranya setelah tiga kali temasya (6 tahun) tidak ada kemajuan yang ditunjukkan oleh sukan berkenaan, maka acara tersebut akan digugurkan dari Sukan Malaysia; dan

- ii. Bagi semua sukan-sukan pilihan, Persatuan Sukan Kebangsaan mesti menganjurkan kedua-dua Kejohanan Kebangsaan dan Kejohanan Remaja Kebangsaan setiap tahun.



Pindaan pada 9 Jun 2022

Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Bil 7/2022
Pada : 9 Jun 2022 (Khamis)
Masa : 11:00 pagi hingga 12:30 tengahari
Tempat : Bilik Persidangan, Aras 4, Menara KBS

Mesyuarat Jawatankuasa Khas Teknikal Bil 2/2022
Pada : 02 Julai 2022 (Sabtu)
Masa : 10:00 pagi hingga 2:00 petang
Tempat : Dewan Banquet, Aras 1, Casa 4 MSN, Kuala Lumpur.

LAMPIRAN 1

SYARAT KELAYAKAN UMUR BAGI PENDAFTARAN BARU, PERTUKARAN ATLET SERTA PENAMBAHAN ACARA SEMASA TEMPOH PENDAFTARAN AWAL (LONG LIST)

BIL	JENIS SUKAN	KELAYAKAN UMUR	TARIKH KELAHIRAN
1	Akuatik Terjun (L/W)	12 – 21 tahun	1 Januari 2001 hingga 31 Disember 2010
	Akuatik Renang (L/W)	12 – 21 tahun	1 Januari 2001 hingga 31 Disember 2010
2	Badminton (L/W)	12 – 21 tahun	1 Januari 2001 hingga 31 Disember 2010
3	Berbasikal (L/W) •Lebuhraya •Bukit •Trek	16 – 21 tahun	1 Januari 2001 hingga 31 Disember 2006
	Berbasikal Bmx (L/W)	14 – 21 tahun	1 Januari 2001 hingga 31 Disember 2008
4	Bola Sepak (L)	12 – 21 tahun	1 Januari 2001 hingga 31 Disember 2010
5	Gimnastik Artistik (L/W)	13 – 21 tahun	1 Januari 2001 hingga 31 Disember 2009
	Gimrama (W)	12 – 15 tahun	1 Januari 2007 hingga 31 Disember 2010
6	Hoki (L/W)	16 – 21 tahun	1 Januari 2001 hingga 31 Disember 2006
7	Karate (L/W) – Kumite	18 – 21 tahun	1 Januari 2001 hingga 31 Disember 2004
	Karate (L/W) – Kata	16 – 21 tahun	1 Januari 2001 hingga 31 Disember 2006
8	Lawn Bowls (L/W)	12 – 21 tahun	1 Januari 2001 hingga 31 Disember 2010
9	Memamah (L/W)	12 – 21 tahun	1 Januari 2001 hingga 31 Disember 2010
10	Menembak (L/W)	13 – 21 tahun	1 Januari 2001 hingga 31 Disember 2009
11	Olahraga (L/W)	13 – 21 tahun	1 Januari 2001 hingga 31 Disember 2009

12	Pencak Silat (L/W)	17 – 21 tahun	1 Januari 2001 hingga 31 Desember 2005
13	Pelayaran		
	- Optimist (L/W)	12 – 15 tahun	1 Januari 2007 hingga 31 Desember 2010
	- ILCA 6 (L/W) - International 420's (L/W) - ILCA 7 (L) - Rs One (L/W)	12 – 21 tahun	1 Januari 2001 hingga 31 Desember 2010
	- ILCA 4 (L/W) - Techno 293 (L/W)	12 – 17 tahun	1 Januari 2005 hingga 31 Desember 2010
14	Skuasy (L/W)	13 – 21 tahun	1 Januari 2001 hingga 31 Desember 2009
15	Tenpin Boling (L/W)	13 – 21 tahun	1 Januari 2001 hingga 31 Desember 2009
16	Wushu (L/W) – Taolu	13 – 21 tahun	1 Januari 2001 hingga 31 Desember 2009
	Wushu (L) – Sanda	17 – 21 tahun	1 Januari 2001 hingga 31 Desember 2005
17	Angkat Berat	13 – 21 tahun	1 Januari 2001 hingga 31 Desember 2009
18	Bola Jaring (W)	13 – 21 tahun	1 Januari 2001 hingga 31 Desember 2009
19	Bola Keranjang (L/W)	13 – 21 tahun	1 Januari 2001 hingga 31 Desember 2009
20	Bola Tampar (L/W)	13 – 21 tahun	1 Januari 2001 hingga 31 Desember 2009
21	E-Sports	13 – 21 tahun	1 Januari 2001 hingga 31 Desember 2009
22	Golf (L/W)	13 – 21 tahun	1 Januari 2001 hingga 31 Desember 2009
23	Judo (L/W) – Kata	13 – 21 tahun	1 Januari 2001 hingga 31 Desember 2009
	Judo (L/W) – Shi-Ai	15 – 21 tahun	1 Januari 2001 hingga 31 Desember 2007
24	Kanu (L/W)	16 – 21 tahun	1 Januari 2001 hingga 31 Desember 2006
25	Kriket (L)	13 – 21 tahun	1 Januari 2001 hingga 31 Desember 2009
26	Muay Thai (L/W)	16 - 21 tahun	1 Januari 2001 hingga 31 Desember 2006

27	Petanque (L/W)	13 – 21 tahun	1 Januari 2001 hingga 31 Disember 2009
28	Ragbi (L)	17 – 21 tahun	1 Januari 2001 hingga 31 Disember 2005
	Ragbi (W)	15 – 21 tahun	1 Januari 2001 hingga 31 Disember 2007
29	Sepak Takraw (L/W)	13 – 21 tahun	1 Januari 2001 hingga 31 Disember 2009
30	Tenis (L/W)	13 – 21 tahun	1 Januari 2001 hingga 31 Disember 2009
31	Tinju (L)	17 – 21 tahun	1 Januari 2001 hingga 31 Disember 2005

